



ISU 1 EDISI 2

OGOS 2023

# GENERASI

FAKULTI PENGAJIAN UMUM DAN PENDIDIKAN LANJUTAN /FUPLI

## ANALISIS/ ANALYSIS

Setinggi Pengorbanan  
Sedalam Kasih Sayang,  
Sekecil Kunjungan Seerat  
Persaudaraan

## BICARA MINDA/ MIND TALK

Exploring the Linguistic  
Nuances of the Japanese  
Word "Tomodachi"

## INOVASI/ INNOVATION

HIRED OR FIRED:  
Interview Card Game

## TRAVELOG/ TRAVELOGUE

Kembara Budi di Bumi  
Thailand

## KREATIF/ CREATIVE

Pantun Keluarga



[www.fupl.unisza.edu.my/](http://www.fupl.unisza.edu.my/)



fupl\_unisza



FUPL\_Unisza



Fakulti pengajian Umum dan  
Pendidikan Lanjutan - FUPL

## SILATURAHIM; KASIH DISEMAI SAYANG DITUAI



Peraduan SISWA TEKA  
JOM SERTAI SEKARANG!



IMBAS QR



Hak Cipta Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan 2023 /  
Copyright Faculty of General Studies and Advanced Education 2023

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula,  
disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau  
dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar  
serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Fakulti Pengajian  
Umum dan Pendidikan Lanjutan, UniSZA.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced , copied, stored in  
any retrieval system, or transmitted in any forms by any means – electronic, mechanical,  
photocopying, recording or otherwise., without prior permission writing from  
the Faculty of General Studies and Advanced Education, UniSZA .

Diterbitkan di Malaysia:  
FAKULTI PENGAJIAN UMUM DAN PENDIDIKAN LANJUTAN  
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN  
KAMPUS GONG BADAK  
21300 KUALA NERUS  
TERENGGANU, MALAYSIA.  
TELEFON: 09-6688400  
E-Mel: [fupl@unisza.edu.my](mailto:fupl@unisza.edu.my)  
Laman Web: [fupl.unisza.edu.my](http://fupl.unisza.edu.my)

## Kandungan

### Dari Meja Editor Sidang Redaksi

2  
3

### Analisis / Analysis

- Setinggi Pengorbanan Sedalam Kasih Sayang,  
Sekecil Kunjungan Seerat Persaudaraan 5-7
- Bersatu Tidak Berpadu 8-9
- Liberalis : Sisa Pembentukan Revolusi Pemikiran,  
'Produk' Keruntuhan Agama 10-12

### Bicara Minda / Mind Talk

- Exploring the Linguistic Nuances of the Japanese  
Word "Tomodachi" 14-15
- Kiah Salai dan Katsuobushi 16-17
- Online Learning : The Silent Killer 18-19

### Inovasi / Innovation

- Hired or Fired: Job Interview Card Game 20-22

### Travelog / Travelogue

- Kembara Budi di Bumi Thailand 23-24

### Kreatif / Creative

- Pantun Keluarga 25
- Lunar Lore : The Kaan (Part 1) 26-27

### Memori@FUPL Peraduan Siswa Teka

28  
30



# TAHNIAH



FUPL mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada

## **Ybrs. DR. WAN KHAIRUL AIMAN WAN MOKHTAR**

atas pelantikan sebagai

**Timb. Dekan Penyelidikan dan Pembangunan  
(2023 - kini)**

# TERIMA KASIH

FUPL mengucapkan jutaan terima kasih kepada

## **Ybrs. DR. HANIF MD LATEH**

atas segala khidmat bakti dan sumbangan  
sepanjang bertugas sebagai

**Timb. Dekan Penyelidikan dan Pembangunan  
(2019 - 2023)**



## DARI MEJA EDITOR



Bertepatan dengan sambutan dua perayaan yang telah diraikan oleh seluruh Umat Islam sedunia, edisi kedua majalah kali ini memilih tema tautan silaturahim; hubungan berkasih sayang antara manusia. Indahnya dijadikan manusia itu pelbagai rupa dan ragam supaya saling melengkapi dan berhubungan sepetimana begitu meriah sekali sambutan Aidilfitri dan Aidiladha yang telah disambut bersama ahli keluarga, sanak saudara, rakan taulan dan saudara seagama.

‘Apa yang ditabur, itulah yang dituai’, mengimbau peribahasa lama Melayu ini mengingatkan kita supaya sentiasa tidak lupa untuk setiap kebaikan yang kita kerjakan, maka kebaikan jugalah menjadi hasilnya. Berkasih sayang juga adalah sifat baik yang dituntut dalam agama sepetimana hadith Nabi SAW yang bermaksud “Barangsiapa yang tidak menyayangi, maka dia tidak akan disayangi” (Hadis riwayat al-Bukhari).

Asas yang penting dalam berkasih sayang demi sebuah ikatan silaturahim yang berpanjangan dan diredhai semestinya niat kerana Allah. Saling menegur dan berpesan ke arah kebaikan, menjaga batas pergaulan, redha dengan ujian dalam perhubungan adalah contoh kepada silaturahim yang dijaga baik kerana Allah SWT. Lebih manis lagi jika kita dapat menyemai budaya Melayu patuh syariat di dalam kehidupan bekerja dan peribadi seperti menziarahi, memberi salam dan bersedekah dalam usaha menyambung tali silaturahim sesama insan. Semoga kita berhasil mendapat rezeki dan dipanjangkan usia kerana mengimarahkan suruhan agama. Sabda Rasullullah SAW bermaksud, “Barangsiapa yang ingin diluaskan rezekinya serta dipanjangkan usianya, maka hendaklah dia menyambung pertalian silaturahim” (Riwayat al- Bukhari dan Muslim).

Di kesempatan ini juga, selamat menyambut Hari Kemerdekaan Malaysia yang ke- 66 diucapkan kepada seluruh pembaca majalah GENERASI. Marilah kita bersama-sama mengambil semangat kemerdekaan ini dalam memelihara nikmat fitrah berkasih sayang dan menjaga ikatan silaturahim kita agar segala pekerjaan yang dilakukan menjadi lebih ringan selain beroleh pahala dan dilindungi ALLAH SWT di bawah rahmat kasih sayang dari-NYA. Insyaallah.

**Saliana Sawaluddin  
Ketua Editor**

**Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan (FUPL)**  
**[salianasawaluddin@unisza.edu.my](mailto:salianasawaluddin@unisza.edu.my)**

## **SIDANG REDAKSI**

### **Ketua Editor**



Saliana Sawaluddin

### **Penolong Editor**



Dr. Razi Yaakob



Dr. Muhamad Hafizuddin Ghani



Dr. Abdul Wahab Md. Ali

### **Grafik dan Rekabentuk**



Farah Diana Mohmad Zali



Mohd Firdaus Jusoh



Nur Naimhafizah Ramli

### **Jurufoto**

Md Supian Ab Ghani

### **Kolumnis**

Abdul Wahab Md Ali, Hanif Md Lateh, Mohd Ridhuan Tee Abdullah, Razi Yaakob, Mohd Sufian Moktar, Ahmad Faizal Ramly, Wan Mohd Yusof Wan Chik, Kazuki Iseno, Adibah Nadzirah Ismail, Siti Nur Amalina A'dilah Muhamad, Farah Diana Mohmad Zali, Saliana Sawaluddin, Nur Naimhafizah Ramli, Nur Fazliza Zulkafli, Syakirah Shafien, Lena A/P Ramamurthy, Aqila Nabaha Khairul Azhar, Ahmad Atiff bin Khairul Azmin

Allah SWT berfirman:

وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسْأَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَّقِيبًا

Maksudnya: Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-yebut namaNya, serta peliharalah hubungan (silaturahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.

Surah al-Nisa' (1)

Ibn Kathir berkata: Maksudnya, bertakwalah kamu kepada Allah dengan mentaati-Nya. Kata Ibrahim, Mujahid dan al-Hasan: "الَّذِي شَعَّ سَأَلُونَ" ertinya sebagaimana ucapan seseorang: "Aku meminta kepadamu dengan (nama) Allah dan dengan (hubungan) rahim."

Al-Dahhak berkata: "Bertakwalah kamu kepada Allah yang dengan-Nya kamu saling mengikat janji dan persetujuan, serta takutlah kamu daripada memutuskan silaturahim, tetapi berusahalah untuk berbuat baik dan menyambungnya." Pentafsiran ini adalah pendapat Ibn Abbas, Ikrimah, Mujahid, al-Hasan, al-Dahhak, al-Rabi' dan ramai ulama' yang lain.

Sebahagian ulama membaca "وَالْأَرْحَامَ" dengan khafadh (kasrah) sebagai athaf (sambungan) dari dhamir "شَعَّ", maksudnya kamu saling meminta satu sama lain kepada Allah dan hubungan silaturahim, sepetimana yang dinyatakan oleh Mujahid dan selainnya.

(Lihat Tafsir al-Quran al-'Azim, 3/332)

# SETINGGI PENGORBANAN SEDALAM KASIH SAYANG, SEKECIL KUNJUNGAN SEERAT PERSAUDARAAN



MOHD SUFIAN BIN MOKTAR  
[sufianmoktare@unisza.edu.my](mailto:sufianmoktare@unisza.edu.my)

Hari Raya Aidiladha atau Hari Raya Haji merupakan perayaan terbesar dalam Islam selain Aidilfitri yang disambut pada setiap 1 Syawal. Allah SWT telah meletakkan keistimewaan Aidiladha ini dengan sumpah-Nya dalam surah al-Fajr ayat 1-2: "Demi waktu fajar. Dan malam yang sepuluh". Malah Rasulullah SAW turut menyatakan: "Tiada hari-hari yang amalan soleh yang paling disukai oleh Allah untuk dilakukan melainkan hari-hari ini. Iaitu 10 hari terawal Zulhijjah." (Riwayat al-Bukhari, 969; Abu Daud, 2438).

Pada dasarnya, kemuliaan ini adalah kerana padanya terkumpul segala induk ibadah yang disyariatkan seperti solat, puasa, sedekah dan haji yang tiada pada bulan-bulan selainnya. Antara keistimewaan lain yang tiada dalam bulan lain adalah ibadah korban yang dilaksanakan bermula selepas solat sunat Aidiladha sehingga ke penghujung Hari Tasyrik. Hal ini bertujuan supaya umat Islam memperingati kisah Nabi Ibrahim AS dalam menunaikan perintah Allah iaitu menyembelih puteranya sendiri Nabi Ismail AS. Dengan peristiwa tersebut, wujudlah ibadah korban yang dilakukan oleh sesiapa yang mampu dan mahu melakukan ibadah tersebut demi mendapat keberkatan dalam harta dan kehidupannya.

**Silaturahim; menyambung atau menerapkan kasih sayang antara sesama manusia supaya mendapat kehidupan yang lebih sejahtera**

Pada asasnya, ibadah korban didasarkan dengan perasaan kasih dan sayang. Perasaan kasih sayang adalah nikmat Allah yang dianugerahkan kepada manusia dan perasaan tersebut tidak terlepas daripada ujian-Nya untuk melihat setinggi mana pengorbanan serta sedalam mana kasih sayang seorang yang beriman. Hal ini dilihat menerusi dua peristiwa penting.

Pertama, peristiwa Nabi Ibrahim AS menyembelih anaknya yang amat dikasihi merupakan satu pengorbanan yang amat besar kerana Nabi Ibrahim AS telah menunggu dalam masa yang lama untuk mempunyai seorang anak. Penantian ini memakan tempoh sehingga Nabi Ibrahim telahpun mencecah usia 86 tahun, namun masih tidak dikurniakan cahaya mata. Walau bagaimanapun, Nabi Ibrahim terus berusaha dan tidak putus-putus berdoa kepada Allah: "Ya Tuhan, Engku anugerahkanlah kepada aku (seorang anak) yang tergolong daripada orang-orang soleh," (Ash-Shafaat, 37:100). Doa ini telah didengari dan dimakbulkan oleh Allah SWT. Akhirnya Allah SWT mengurniakan baginda seorang anak yang sangat penyabar.

Peristiwa kedua, seorang ibu pasti amat mengasihi anak yang dikandung dan dilahirkannya dengan susah payah. Namun apa yang berlaku kepada Siti Hajar setelah bekalan air yang ditinggalkan oleh Nabi Ibrahim AS telah habis, Siti Hajar terpaksa meninggalkan Ismail AS seketika untuk mencari sumber air. Di sini kita melihat bagaimana hubungan kasih sayang dan pengorbanan itu sangat rapat sehingga ada ungkapan dalam masyarakat kita 'sayangkan anak, tangan-tangankan', dengan maksud walaupun sayangkan anak, namun ketika mendidiknya haruslah mempunyai pengorbanan kasih sayang demi membentuk anak yang baik.



ANALISIS / ANALYSIS

Dalam masyarakat kita, kasih sayang sangat sinonim dengan perkataan silaturahim. Hakikatnya silaturahim berasal dari perkataan arab iaitu ‘silah’ atau ‘wasal’ yang bermaksud menyambung atau menghimpun. ‘Rahim’ pula membawa maksud kasih sayang. Menurut al-Raghib al-Afahani, ‘Rahim’ yang dimaksudkan adalah rahim wanita iaitu tempat di mana janin berkembang dan terlindung (dalam perut wanita). Istilah ‘Rahim’ juga digunakan untuk menyebut kaum kerabat kerana mereka berasal dari satu rahim. Maka, jika kita gabungkan kedua-dua perkataan tersebut, terjadilah satu istilah iaitu menyambung atau menerapkan kasih sayang antara sesama manusia supaya mendapat kehidupan yang lebih sejahtera. Hal ini disebabkan silaturahim merupakan kinayah atau kiasan (yang memberi maksud secara tidak langsung) kepada perbuatan baik kepada kaum kerabat. Hal ini kerana orang yang mempunyai ‘silah’ atau menyambung hubungan dengan orang lain, pasti hubungan itu dimulai dan dibina menerusi perasaan kasih sayang sebagai alatnya.

Selain ‘silah’ mempunyai hubungan yang kuat dengan ibadah korban, ‘silah’ juga dizahirkan dalam ibadah Haji yang menghimpunkan umat Islam dari seluruh pelosok dunia yang terdiri dari pelbagai negara. Mereka berkumpul dengan tujuan yang sama iaitu beribadah pada waktu dan tempat yang sama. Di sinilah berlangsungnya ‘silah’ hubungan persaudaraan sejagat umat Islam yang datang dari pelbagai bangsa, keturunan, bahasa, budaya, pangkat dan taraf. Isyarat membina ‘silah’ ini ditegaskan oleh Nabi SAW ketika baginda menyampaikan khutbah Hajjatul Wada’ atau Haji Perpisahan sebagaimana sabdaan baginda yang bermaksud, “Wahai manusia! Penciptamu adalah satu, dan nenek moyangmu juga satu. Kamu semua daripada Adam dan Adam diciptakan daripada tanah. Yang termulia antara kamu di sisi Allah SWT ialah orang-orang yang paling bertakwa. Dan tidak ada kelebihan orang Arab atas orang bukan Arab, bagi orang berkulit merah atas orang berkulit hitam, atau orang berkulit hitam atas orang berkulit merah, jika bukan dengan ketakwaan”.

Hadith ini menunjukkan penerapan ‘silah’ dalam kalangan masyarakat perlulah dipupuk dengan lebih kuat kerana kita semua sebenarnya satu keluarga besar yang bernenek-moyangkan Adam dan berasal daripada rahim ibu yang sama iaitu Hawa. Pesanan Nabi SAW ini wajib dihayati dan dijadikan panduan untuk membina silaturahim dalam masyarakat dengan merapatkan saf, menyatukan hati dan menghindarkan sikap bermuka-muka sehingga tidak menjadi seperti kata pepatah melayu ‘putih di luar, kuning di dalam’ atau ‘pepat di luar, pancung di dalam’ dan tidak termasuk antara orang-orang yang suka menanam tebu di pinggir bibir, tetapi hakikatnya berbuah peria di lubuk hati.

Justeru, hubungan silaturahim tidak dapat dipisahkan dengan sambutan perayaan Hari Raya Aidiladha. Hari ini merupakan antara hari perayaan yang terbaik untuk mengeratkan silaturahim. Kebiasaannya dalam masyarakat kita, perayaan besar ini diraikan selari dengan tuntutan Syarak dan dihiasi dengan pelbagai tradisi masyarakat. Hal ini berlaku apabila ketetapan Syarak yang bersifat wajib, sunat, makruh, haram atau harus diterapkan dalam tradisi tanpa ditolak mentah-mentah oleh masyarakat kita. Asimilasi ini menunjukkan tradisi dan budaya setempat turut berperanan dalam mewarnai pelaksanaan sesuatu perayaan keagamaan sebagai pelengkap. Ibaratnya Syarak mengatur, adat memakai.



Umpamanya, dalam mengeratkan silaturahim ketika Hari Raya Aidiladha, diterima dan diwarnai dengan tradisi masyarakat yang bergotong-royong ketika melakukan ibadah korban. Ia dapat dilihat pada kebiasaannya penduduk-penduduk setempat atau masyarakat di kawasan kejiran akan sama-sama hadir ke tempat penyembelihan. Misalnya, aktiviti yang dilakukan antaranya adalah menyembelih, melapah daging, membersihkan kawasan penyembelihan selepas penyembelihan dan memasak bersama. Aktiviti-aktiviti ini sememangnya dapat merapatkan silaturahim dalam kalangan penduduk setempat. Daging yang berat sepikul, akan menjadi ringan sejinjing apabila dilakukan bersama-sama. Dengan itu, yang tidak kenal, akan mengenali antara satu sama lain.

Tidak terhenti di situ, edaran daging korban kepada fakir miskin juga dapat mengeratkan silaturahim. Malah ia juga merupakan satu pahala yang besar sekaligus mendapat saham yang bakal dibawa ke akhirat kelak. Orang yang berkemampuan melakukan korban ini dapat menggembirakan golongan fakir miskin yang turut boleh merasai nikmat daging.

Pada hari-hari kebiasaan, golongan ini secara adatnya hanya mampu menjamah lauk ikan dan ayam atau hanya sekadar ulam-ulaman sahaja memandangkan harga daging di pasaran yang tinggi. Maka dalam hal ini, menggembirakan orang lain merupakan antara sifat orang beriman. Secara tidak langsung, mereka yang berkemampuan dapat mengetahui dan mengenali golongan fakir miskin yang ada di sekitar kawasan mereka menerusi edaran daging korban. Perkara ini sekaligus akhirnya membuka jalan agar golongan ini dapat terus dibantu pada masa akan datang.

Selain itu, aktiviti yang paling masyhur dilakukan oleh masyarakat ketika perayaan Aidiladha untuk mengeratkan silaturahim adalah saling menziarahi sanak-saudara, jiran tetangga serta sahabat handai yang sudah lama tidak bersua. Menerusi tradisi ini, kita dapat berjumpa kembali dan bertanya khabar kepada mereka kerana ada antara sanak-saudara atau sahabat handai yang sudah berumah tangga dan mempunyai keluarga sukar untuk bersempang dan bertanya khabar seperti zaman ketika bujang. Waktu perayaan sebeginilah masa yang sesuai untuk mencipta memori indah bersama mereka. Dalam pada itu, hubungan yang renggang atau yang mempunyai perselisihan juga dapat disatukan semula dengan aktiviti ziarah ini. Malah, aktiviti ini bukan hanya dapat merapatkan hati antara manusia, ia juga menjadi jalan untuk mendapat kasih sayang dan rahmat daripada Allah SWT.



Dalam Kitab Riyadhus Salihin, Imam al-Nawawi menuliskan dari Abu Hurairah RA yang meriwayatkan bahawa Nabi SAW menceritakan kisah seorang lelaki yang menziarahi seorang saudaranya di kampung lain. Di sepanjang jalan yang dilaluinya, Allah SWT mengutus malaikat untuk melindunginya. Akhirnya malaikat itu memberitahu lelaki tersebut bahawa Allah SWT akan sentiasa mencintainya sebagaimana dia mencintai saudaranya kerana

Allah SWT (ringkasan hadis riwayat Muslim). Nabi SAW sendiri boleh dikatakan setiap hari menziarahi masyarakat setempat, tidak kisahlah sama ada yang sakit atau tidak, Nabi SAW tetap akan ziarah.

Teladan yang tunjukkan Nabi SAW ini harus dicontohi dan diteruskan dalam masyarakat kita. Moga kecintaan dan kasih sayang kita kepada kerabat dan sahabat handai dengan amalan saling menziarahi akan menjadi sebab kita dikasihi dan dirahmati Allah SWT.

**Betapa indahnya simbiosis mutualisme antara tuntutan Syariat Islam dengan amalan tradisi dan budaya masyarakat kita khususnya ketika menyambut perayaan ini.**

Masyarakat menjadi medan penerapan wahyu dan arahan Allah SWT, dan manusia menjadi hamba yang ditaklifkan Allah untuk memikulnya. Kemudiannya proses penerapan ini diterjemahkan dalam bentuk ibadat dan muamalat yang umum mahupun khusus di samping membentuk tradisi dan budaya setempat. Jelasnya apabila kita lihat paduan antara unsur wahyu yang bersumberkan ketuhanan (Pencipta) dan akal yang bersifat kemanusiaan (manusiawi) telah mewarnai proses pembentukan kebudayaan dan tradisi masyarakat.

Akhirnya, tidak semua tradisi yang lahir dalam masyarakat bersifat buruk dan terus ditolak, sebaliknya terdapat pelbagai tradisi yang bersifat baik serta boleh diamalkan. Pendekatan ini juga selari dengan kaedah fiqh iaitu 'adat diperakui sebagai nilai hukum'. Dengan makna lain, sebarang tradisi yang baik dan tidak bercanggah dengan syariat Islam boleh diamalkan dalam masyarakat sehingga membentuk budaya yang Islamik. Oleh itu, marilah kita saling mengunjungi sanak saudara dan sahabat handai. Tidak perlu kita menunggu tibanya hari perayaan. Carilah ruang masa menziarahi saudara-mara, kerabat dan sahabat kita sebagai tanda kita mengasihi mereka. Usaha menyemarakkan silaturahim dan ukhuwwah atas dasar iman ini sudah pasti berupaya memacu perubahan ke arah masyarakat yang bersatu-padu dan negara yang aman harmoni.

# BERSATU TIDAK BERPADU



HANIF MD LATEH  
[hanifjunid@unisza.edu.my](mailto:hanifjunid@unisza.edu.my)

Dasar kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baharu (DEB), Rukun Negara, Wawasan 2020 dan 1 Malaysia merupakan sebahagian usaha untuk mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Bagaimanapun, penumpuan terhadap sesetengah dasar ini terhapus dengan bertukar kuasa politik. Pemegang kuasa politik yang bertindak mengubah dasar juga merupakan halangan bagi agenda perpaduan.

Sikap ini juga jelas bukanlah sikap prihatin yang wajar diperturunkan dalam arena politik. Sikap prihatin seharusnya mendahului matlamat pembangunan negara berbanding selera politik. Demi mewujudkan sikap prihatin atau kecaknaan dalam kalangan rakyat Malaysia, terdapat aspek tertentu perlu diberi penekanan semula dan berterusan tanpa mengira parti politik mana yang memerintah.

## Perpaduan Melalui Pendidikan

Usaha memperkasa pendidikan bagi mewujudkan perpaduan telah dibuat melalui sekolah wawasan semenjak awal tahun 2000. Bagaimanapun, sehingga ke hari ini, penerimaan kaum bukan Melayu terhadap sekolah wawasan agak mengecewakan. Justeru, perpaduan menerusi pendidikan hanya boleh dicapai dengan langkah mewujudkan satu sistem persekolahan sahaja. Proses integrasi sekolah jenis kebangsaan kepada sekolah kebangsaan perlu dilaksanakan. Namun, hal ini sukar direalisasikan dalam arus politik yang sentiasa mempolitisir setiap isu.

Dengan tekad dan kesungguhan demi matlamat dan prihatin terhadap Malaysia, proses integrasi ke satu aliran adalah sangat penting demi menjayakan agenda perpaduan. Walaupun proses ini akan mendapat tentangan, terutamanya dari pendukung politik kaum di tanah air, usaha ini mesti dan terpaksa dibuat dengan mengenepikan tekanan terutamanya dari parti politik.

Sekolah satu aliran sahaja tanpa melibatkan jenis kebangsaan akan menjadi model yang hampir sama dengan sekolah wawasan. Bagaimanapun, peluang kejayaan lebih tinggi berbanding sekolah wawasan kerana sekolah ini dibuka pada semua, bukan lagi mengikut aliran kaum. Isu integrasi sekolah menjadi sekolah kebangsaan tanpa aliran sering menjadi kebimbangan kaum lain dari dua aspek utama.

Pertama, kerisauan hilang bahasa ibunda. Kebimbangan hilang bahasa ibunda ini disebut oleh ramai pejuang berasaskan kaum di Malaysia tanpa mengenepikan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama dalam negara Malaysia. Kebimbangan ini boleh ditangani dengan mewajibkan pelajaran bahasa Mandarin dan Tamil untuk kedua-dua kaum ini. Praktis ini boleh dilakukan bersekali dengan pengajaran kelas pendidikan Islam bagi pelajar muslim. Justeru, mewajibkan pengajaran bahasa Mandarin dan Tamil boleh diteruskan bagi mengekalkan bahasa ibunda kaum Cina dan India sekaligus menghapuskan kebimbangan.

Kebimbangan kedua pula adalah berkenaan asimilasi dan Islamisasi. Hal ini tidak mudah untuk ditangani kerana melibatkan sensitiviti pengamal agama. Bagaimanapun, asimilasi ini perlu dibenarkan sahaja berlaku. Antara kesan asimilasi adalah hilangnya bahasa ibunda. Pengekalan bahasa ibunda boleh dibuat dengan merujuk pada pelajaran bahasa tadi. Berkenaan Islamisasi, hal ini sudah dibuktikan sebagai persepsi kaum. Tiada bukti jelas menunjukkan Islamisasi dilakukan di Malaysia oleh kaum Melayu. Justeru, penjelasan untuk menghilangkan persepsi ini perlu dilakukan secara berganda oleh kerajaan.

**Dengan tekad dan kesungguhan  
demi matlamat dan prihatin  
terhadap Malaysia, proses  
integrasi ke satu aliran adalah  
sangat penting demi  
menjayakan agenda perpaduan.**

## Perpaduan Melalui Politik

Langkah kedua membentuk perpaduan adalah menerusi pentadbiran politik. Kegagalan melahirkan sifat prihatin atau kecaknaan untuk membentuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia adalah kerana dua keadaan yang disebabkan pentadbiran politik. Pertama, dalam keadaan perpecahan parti politik. Kerencatan perpaduan berlaku setelah parti-parti di Malaysia diwujudkan bersasarkan kaum.

Bagaimanapun, merujuk pada sejarah lalu semenjak Malayan Union 1946, kewujudan pergerakan beraliran kaum tidak dapat diundurkan kembali. Bagi memberi nilai natural terhadap pentadbiran, pecahan pentadbiran parti yang memerintah mestilah menggunakan nisbah kaum di Malaysia supaya wujud keseimbangan. Langkah ini boleh sahaja ditafsirkan sebagai tidak bernalas atau bertentangan dengan logikal. Tetapi dengan meletakkan matlamat sebenar untuk menjamin perpaduan yang berpunca dari perpecahan parti politik, maka langkah ini wajar dibuat.

Penisbahannya pentadbiran politik akan mewujudkan keseimbangan kaum dalam pentadbiran. Justeru, kebergantungan antara satu kaum dengan kaum yang lain boleh dihilangkan. Hal ini membawa pada keimbangan kaum Melayu yang menguasai politik Malaysia semasa. Justeru, keadaan kedua yang ingin dibawakan adalah pemasukan agenda atau dasar perpaduan negara kepada Yang di-Pertuan Agong. Ini kerana dasar dan agenda negara seringkali gagal apabila berlaku pentafsiran dan campur tangan ahli politik.

Selain itu, pertukaran kuasa politik di peringkat pusat turut menyumbang pada berlakukannya kebejatan agenda atau dasar. Justeru, pemilihan agenda dan dasar secara bersasar diperlukan berdasarkan matlamat yang ingin dicapai. Sebagai contoh, semua agenda yang bermatlamatkan perpaduan dalam kalangan warga Malaysia diletakkan secara langsung dibawah kuasa Yang di-Pertuan Agong.

Hal ini akan menjamin kelangsungan sesuatu agenda atau dasar yang ingin dilaksanakan. Selanjutnya, pemasukan di bawah Yang di-Pertuan Agong juga akan memberi nafas lega untuk kaum Melayu berdasarkan keadaan pertama yang dicadangkan sebelum ini.

Terdapat puluhan langkah yang boleh dilaksanakan untuk menimbulkan rakyat yang prihatin dan cakna sebagai warganegara sehingga terhasilnya sebuah perpaduan. Bagaimanapun, kedua-dua langkah dalam pendidikan dan pentadbiran politik merupakan langkah asas yang menjadi medan penting demi melahirkan warganegara yang prihatin dan hidup sebagai satu bangsa.



Pengekalan identiti kaum bukanlah isu besar dalam agenda ini, jika semua warganegara tahu membezakan perkara utama dan keutamaan. Rakyat Malaysia yang menuju negara maju mempunyai minda ke arah kelas pertama yang tahu membezakan antara keutamaan negara atau kepentingan kaum. Justeru, melahirkan rakyat yang prihatin dan cakna adalah penting untuk melahirkan dan mobiliti dari bersatu ke berpadu.

Bagaimanapun hasrat ini tidak akan berjaya kerana halangan di peringkat individu maupun kerajaan. Halangan bersifat sikap individu akan dapat dihapuskan dengan pendidikan yang disebutkan dalam langkah satu. Sementara itu, kecenderungan penguasaan politik demi kelangsungan kepartian juga dapat dihindarkan dengan langkah kedua.

### **Realiti Perpaduan Negara**

Bersatu tetapi tidak berpadu adalah tahap semasa kita di Malaysia yang mempunyai masyarakat majmuk. Walaupun konteks masyarakat majmuk di negara lain seperti Austria dan Belgium berbeza dengan Malaysia, akan tetapi konteks masyarakat majmuk di Malaysia lebih kompleks. Bagaimanapun, di tengah keunikan masyarakat majmuk di Malaysia, kesatuan dalam negara berjaya dipersembahkan dengan baik tanpa melibatkan banyak konflik antara kaum.

Kedua-dua ini menunjukkan toleransi yang tinggi dalam kalangan penduduk Malaysia. Walau bagaimanapun, toleransi ini tidak dapat mengenepikan sifat perkauman yang mendatang apabila melibatkan isu berteraskan agama atau kaum.

Oleh itu, rasa kebersamaan, kecaknaan dan keprihatinan di peringkat Malaysia sebagai satu bangsa adalah matlamat selangkah ke hadapan selepas daripada bersatu yang dimiliki pada masa ini.

Justeru, memulakan langkah dalam dua bidang utama iaitu pendidikan dan pentadbiran politik harus dilakukan hari ini tanpa menunggu perpecahan selepas kesatuan. Keperluan ini bukan omongan kosong, sebaliknya memikirkan kesan dunia tanpa sempadan serta akses pada sumber dan reaksi yang berasaskan perkauman dalam dunia hari ini akan mewujudkan generasi baharu bersifat aku Melayu, aku Cina dan aku India.

Jika tidak dimulakan sekarang, generasi yang bakal lahir daripada kohort kelahiran era berikutnya akan mengalami kebejatan sosial disebabkan perkauman yang tinggi. Oleh itu, bina sikap prihatin dan cakna sebagai bangsa Malaysia bermula sekarang menerusi pendidikan dan pentadbiran politik.

# LIBERALIS : SISA PEMBENTUKAN REVOLUSI PEMIKIRAN, ‘PRODUK’ KERUNTUHAN AGAMA



SITI NUR AMALINA A'DILAH MUHAMAD  
FARAH DIANA MOHAMAD ZALI  
[adilahmuhamade@unisza.edu.my](mailto:adilahmuhamade@unisza.edu.my)

## Liberalisme dan Liberalis

Liberal ditakrifkan sebagai keterbukaan dalam cara berfikir, dimana individu liberalisme lebih dominan dalam mengamalkan gaya hidup dan cara berfikir yang bebas daripada kawalan moral dan agama. Seseorang yang mengamalkan liberalisme tidak menjadikan agama sebagai panduan dan rujukan dalam penentuan baik dan benar, salah dan buruk. Individu yang liberal melihat dirinya berkuasa sepenuhnya menentukan nasibnya dan falsafah moralnya sendiri tanpa memerlukan panduan daripada Tuhan dan wahyu (Harris, 2018). Mereka menjadikan kebebasan sebagai prinsip utama dalam hidup, daripada gaya berfikir kepada gaya hidup. Tuntasnya, fokus individu liberal adalah idea kemerdekaan individu yang meletakkan fikiran bebas daripada segala bentuk aturan dan batasan (Ghazali et al., 2020).

Liberalisme dan konsep keterbukaan dalam pola pemikiran individu, merencana hidup terasing daripada panduan dan garis Islam, sinisnya - adalah merupakan isu lapuk. Namun keterlapukan ini melahirkan liberalis moden yang mengamalkan keterbukaan tanpa sedar. Kerangka pemikiran liberal merujuk kepada pandangan terhadap kehidupan, agama dan negara dengan menggunakan lensa padangan Barat (Salleh, Haridi, Ismail & Mohd Noor, 2017). Liberalis menurut Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi ke-4 merujuk kepada individu yang menyokong (menganut, menganjurkan) fahaman liberalisme.

## Liberalis Moden

Liberalis moden ini merupakan pengguna sosial media yang saban hari berkongsi tentang cara hidup mereka. Tragisnya tentang liberalis ini mereka bukanlah yang menggerakkan ideologi fahaman keterbukaan waima bertindak meruntuhkan pegangan Islam individu, sebaliknya mereka adalah mangsa dan sisa revolusi bentuk pemikiran Perancis dan Renaisan, yang menyaksikan kebangkitan falsafah dan pemikiran moden (Salleh et. al. 2017).

Walaupun liberalis ini tidak bertindak secara langsung dalam meruntuhkan pegangan Islam individu, namun secara tidak langsung dapat mempengaruhi individu yang lemah akan imannya lebih-lebih lagi olongan remaja yang kadangkala memberontak dan berperang dalam gelora jiwa yang ingin ‘dewasa’ sebelum waktunya dan hidup lepas bebas. Sisa-sisa ini naif, bertopengkan kemodenan dan kemajuan yang dicerok daripada gaya hidup Barat yang digembar-gemburkan dan diberi persepsi maju. Secara halus ditelusuri dapat dilihat daripada hasil perkongsian media mereka - berkongsi tentang aktiviti sehari-hari yang normal dilihat mata kasar, namun jika diperhalusi maka terlihatlah isu liberalisme yang tidak terkawal.

**"Persoalan yang harus kita gembleng jiwa dan minda dalam mencari jawapan kepada sejelas mana garis kelabu yang memisahkan keterbukaan dalam fahaman liberalisme dengan normalisasi gaya hidup yang memisahkan agama dengan hidup seharian"**

## Garis Kelabu Antara Liberalisme dan Normalisasi Gaya Hidup Longgar Syariat

Persoalan yang harus kita gembleng jiwa dan minda adalah dalam mencari jawapan kepada sejelas mana garis kelabu yang memisahkan keterbukaan dalam fahaman liberalisme dengan normalisasi gaya hidup yang memisahkan agama dan hidup sehari-hari.

Gerakan liberalisme seperti LGBTQI serta gerakan isme yang lain jelas dapat dilihat dan diperangi, tuntas batil. Pandangan liberalisme ini telah mencairkan identiti Islam dengan membawa elemen kerangka pemikiran Barat (Salleh et.al., 2017).

Lanjut dilaporkan Salleh et al, (2017), Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor pada tahun 2014 telah memutuskan bahawa golongan yang berpegang kepada pemikiran liberalisme sebagai sesat dan menyeleweng daripada agama Islam.

### **Liberalisme Seiring Teknologi/Globalisasi**

Pemikiran liberal ini diam di dalam bongkah cara hidup individu, tidak semua dapat dilihat melalui pandangan awam. Namun, natiijah globalisasi ini kita dapat melihat bentuk dan aliran pemikiran liberal di sosial media disebarluaskan melalui wacana pemikiran, tulisan dan rencana di media massa mahupun media sosial, dibentangkan melalui hantaran, 'feed', 'story', dan sebagainya. Justeru hal ini mempengaruhi rasional logik dan akal belia Islam (Salleh et al, 2017). Websiterating.com melaporkan lebih 59% penduduk dunia adalah merupakan pengguna media sosial, dengan 4.74 billion pengguna media sosial yang aktif di seluruh dunia. Menurut kenyataan rasmi Kementerian Komunikasi dan Digital, Malaysia mempunyai hampir 28 juta pengguna media sosial. Meltwater pula mencatat 26.8 juta pengguna media sosial atau hampir bersamaan dengan 78.5% populasi.

Pemerhatian sepantas lalu di akaun sosial media Instagram beberapa individu yang mengamalkan keterbukaan begitu sangat membimbangkan. Individu Islam, mengaku Muslim(ah), tetapi mempunyai haiwan peliharaan anjing, mengambil arak, menganjurkan 'pool party' (jelas menyokong keterbukaan lewat pakaian dan pergaulan) dan mempunyai cacah (tattoo) - tanpa rasa bersalah memamerkan gaya hidup dan pengguna Instagram yang lain memberi komen positif teruja melihat gaya hidup sebegini seolah ia tidak salah dan berada di landasan yang benar. Lebih membimbangkan, pempengaruh media sosial liberal ini boleh dikatakan agak terkenal berdasarkan jumlah pengikut dan pemberi komen terhadap hantaran mereka dan rata-rata pengikut ini adalah individu yang beragama Islam. Apa yang dikhuatiri adalah belia Islam yang mungkin terjebak dek kerana FOMO (Fear of Missing Out). Mereka yang terbelenggu dengan FOMO ini sering merasakan keperluan untuk menyemak media sosial kerana takut ketinggalan akan trend-trend terkini contohnya mencakah tatu yang kelihatan 'cool' pada mereka.

### **Rentetan Sejarah Liberalisme**

Permulaan liberalisme hanya sekadar gerakan Barat dalam meningkatkan kuasa autokratik gereja terhadap mereka, justeru idea yang sama membawa pergerakan sesetengah individu yang mengiktiraf diri mereka sebagai ideologis revolusi pemikiran, namun bahana tempias ini terkena pula kepada 'liberalis moden' kini. Begitu membimbangkan kerana tiada sekatan, pantauan, larangan terhadap liberalis moden kini dalam

berkongsi gaya hidup mereka di laman media sosial. Jika tidak dibendung, dibiarkan bebas dan menular, setakat mana ampuh jiwa anak muda yang lain dapat dipertahankan?

Setakat awal Julai 2023, terdapat segelintir anak muda yang berani mencuba minuman Somersby berikutan trending di aplikasi media sosial TikTok.

Kerana pemikiran keterbukaan, anak-anak muda khususnya dalam kes ini berani mencuba minuman Somersby. Individu yang menyokong mendakwa waima tanpa logo Halal, Somersby boleh diminum kerana 0.0% kandungan alkohol sekalipun diproses dalam kilang pembuatan arak. Nah, terbuka kan? Sedangkan mendekati yang syubhah itu adalah jalan mula kepada punah.



Setakat awal Julai 2023, terdapat segelintir belia yang berani mencuba minuman Somersby berikutan trending di aplikasi media sosial TikTok.

### Panduan Rasulullah Kepada Umat Islam

"Yang halal sudah jelas dan yang haram juga sudah jelas. Namun diantara keduanya ada perkara yang syubhat (yakni samar). Maka barangsiapa meninggalkan yang samar kerana takut kepada dosa, maka sudah dia tinggalkan perkara yang jelas haramnya. Manakala yang mendekati syubhat, dikhawatirkan akan terjatuh kepada perkara yang haram" [Sahih Bukhari dan Muslim].

Syubhat ini adalah perkara yang dijauhi agar dapat menjadi benteng daripada terjerumus dan terjebak kedalam hal-hal yang haram. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada Oktober 1987 memutuskan minuman yang tidak beralkohol yang dihasilkan dalam kilang pemprosesan dan pembuatan arak adalah haram berikutan kerana ia ditakuti akan menimbulkan kekeliruan kepada masyarakat. Salleh et al., (2017) menyatakan bahawa golongan belia di Malaysia kini menunjukkan perubahan pola pemikiran justeru perlu untuk diwujudkan satu mekanisme pembendung bagi membantu golongan belia menapis semua maklumat. Persoalannya adalah "Cukupkah sekadar dibendung atau perlu ditarbiyah terus menerus?"

Keberkesanan tarbiah, penyerapan nilai Islami ke dalam hati, garis kelabu yang memisahkan pemikiran liberalisme dengan gaya hidup yang dinormalisasikan? Ini semua adalah amanah, 'homework' untuk setiap insan. Runtuh pemikiran Islam, runtuhnya agama (Mohd Nor, 2011).

Tidak liberal bukanlah bererti jumud. Sekadar menyanjung keterbukaan mahupun dijadikan tunjang hidup tanpa sedar, semoga kita adalah Muslim dan Muslimah yang sentiasa diberi pedoman dan petunjuk yang berterusan, justeru istiqamah menjaga iman di hati.

**Soal Jawab Aqidah | 6**

## Apakah Liberalisme?

Ideologi yang menegakkan Fahaman kebebasan dan kesamarataan hak individu individu dalam aspek agama, sosial politik dan undang-undang kehidupan.

**Apakah ciri Liberalisme?**

Berpegang kepada Konsep Pluralisme  Akal Manusia sebagai Wahyu  Meragui Ketulenan Al-Quran  Pendekong golongan LGBT, Fahaman Feminisme, dan Humenisme.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Akidah</li> <li>Syariah</li> </ul>	Mempersoalkan Metodologi Pentafsiran Al-Qur'an Dan Al-Hadith  Memupuk pembaharuan terhadap hukum Fiqah  Sikap Terhadap Hukum Fiqah  Mempertikaikan kemuliaan dan Akhlak Kenabian  Prejudis terhadap ilmu Islam
--	---	--

"Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwah Ugama Islam Malaysia Kali Ke-74 yang bersidang pada 25-27 Julai 2006 telah memutuskan Gerakan Pemikiran Liberal mengandungi fahaman yang didapati menyeleweng dari aspek akidah dan syariah".

**Sumber:**

Muzakarrah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan

Jabatan Agama Islam Negeri Johor, Bahagian Penyelidikan Aras Bawah, Blok A, Pusat Islam Iskandar Johor Jalan Masjid Abu Bakar, Karung Berkunci 725, -80890 Johor Bahru, Johor.



"Being a family means you are a part of something very wonderful. It means you will love and be loved for the rest of your life."

- Lisa Weed



"Coming together is beginning, staying together is progress, and working together is success." -

Henry Ford



"The most painful thing is losing yourself in the process of loving someone too much, and forgetting that you are special too."

– Ernest Hemingway



"We can always choose to perceive things differently. We can focus on what's wrong in our life, or we can focus on what's right."

-Marianne Williamson

# EXPLORING THE LINGUISTIC NUANCES OF THE JAPANESE WORD "TOMODACHI"

KAZUKI ISENO  
kazuki@unisza.edu.my

## Introduction

The word "Friends" originates from the Latin term "amicus." It signifies "one who is loved" or "one who loves." Over time, cultural and linguistic influences transformed the term into "friend." However, both words share the same idea, encompassing mutual affection, trust, and companionship.

This essay explores the concept of "tomodachi" (友達) in Japanese, which translates to "friend(s)." Examining the word's composition, it consists of "tomo" (友) from the Chinese word for friend and "dachi" (達), which in Japanese means either an individual or a group. "Tomodachi" encompasses various degrees of relationships, from casual acquaintances to best friends. Additionally, the essay explores related terms like "shin'yū" (親友), "yūjin" (友人) and "Nakama" (仲間). Understanding these nuances enhances our comprehension of friendship within the Japanese language.

## "Tomodachi" in Japanese

"Tomodachi" (友達) covers a wide range of friendships and relationships. The term is flexible and can encompass various degrees of relationships between individuals, including casual friends, close friends, childhood friends, best friends, and social friends. Although there are specific terms to describe these specific relationships, "tomodachi" can still encompass relationships ranging from casual acquaintances to best friends.

Exploring the nuances of the term "tomodachi" in Japanese, including its origin and the distinct way Japanese people write it using their alphabets, provides a gentle yet profound understanding of the significance of friendship in Japan. By delving into the composition, meaning, and the various shades of friendship conveyed by this word, we gain valuable insights into the depth and intricacy of the Japanese language's expression of interpersonal bonds.

The word "tomodachi" (友達) is a specific Japanese word that translates to "friend" or "companionship." It consists of two components: "tomo" (友), which originated from the Chinese word "yǒu" (友) as friendship, and "dachi" (達), which refer to either a single person or multiple individuals, depending on

the sentence's context. According to the online Japanese dictionary, "tomodachi" (友達) denotes a person with whom one shares open communication, equal fellowship, and engages in playful activities and conversations.

The word "tomodachi" (友達) is written in "kanji" (Chinese characters) as consisting of two characters, "tomo" (友), and "dachi" (達).

"Tomo" (友) means "friend" or "companion." This kanji was formed approximately 3000 years ago during ancient Chinese times. The character "友" is a combination of two ancient pictographs, "丂" (the shape of an opened hand) and "又" (the shape of a hand grabbing). The combination of these two ancient pictographs signifies holding each other's hand and helping each other.

"Dachi" (達) is a word used to express collectiveness or a plural meaning but can also refer to a single person. Although "dachi" (達) is a Chinese character, the character was combined with "tomo" (友) as a phonetic equivalent character to make one word "friend". Phonetic equivalence refers to using the form or sound of a kanji character to express a new meaning or vocabulary. This is often used for foreigners wishing to write their names in Kanji.



Calligraphy Text of Tomodachi

## Other Words Expressing Degrees of Friendship

Apart from "tomodachi" (友達), there are many terms that specify the degree of friendship and relationship, such as "shinyu(親友)," "Yujin(友人)," and "nakama(仲間)." "

**"Shin'yū"(親友)**

"Shin'yū"(親友) is a term used for a good friend, someone with whom you get along well. While "tomodachi" refers to a person you get along with in daily life, "shin'yū"(親友) implies a greater level of comfort. "shin'yū"(親友) is considered the most important friend among friends.

**"Yūjin"(友人)**

"yūjin"(友人) and "tomodachi" share the same definition; however, "yūjin"(友人) must refer to humans, while "tomodachi" can include animals. This distinction arises from the Chinese characters used in "yūjin"(友人)(友人), where the character "jin"(人) denotes a human. For example, if you want to say "my cat is a friend" in Japanese, using "yūjin"(友人) would be incorrect. The correct sentence would be "Watashi no neko wa tomodachi desu" (My cat is a friend.)

The term "yūjin"(友人) is a more formal expression of friendship than "tomodachi." It is often used to introduce a friend in workplaces or formal occasions. "Tomodachi" carries a softer impression compared to "yūjin"(友人)

**"Nakama"(仲間)**

If a "tomodachi" is someone you get along well with, the term "nakama" refers to a person who doesn't necessarily have to be a friend but works together with you towards the same objective. For example, soccer teammates are "nakama" because their objective is to win games, even if they don't get along well with each other. "Nakama" can also refer to people who share the same hobby or belong to same organization, club, and circles.

**Conclusion**


The word "tomodachi" (友達) means "friend(s)" in the Japanese language. The characters used to write "tomodachi" (友達) are kanji, which are Chinese characters from China. The kanji "友" signifies holding each other's hand and helping each other. Additionally, there are many other words to describe the degree of friendship and relationships, such as "shin'yū"(親友) "yūjin"(友人) and "nakama." "shin'yū"(親友) is a closer friend than "tomodachi," and being with a "shin'yū"(親友) brings more comfort. "yūjin"(友人) is a human version of "tomodachi" and cannot be used to refer to animals. "Nakama" (仲間) doesn't require being friends but implies working together towards the same objective.



**Do you want to know how to pronounce these words? Click on the underlined words above.**

**QUIZ:**

**Name several people you recognize as "shin'yū"  
"Watashi no neko wa yujin desu" is incorrect sentence. Why?**



## KIAH SALAI DAN KATSUOBUSHI

AHMAD FAIZAL BIN RAMLY, ABDUL WAHAB BIN MD. ALI DAN WAN MOHD YUSOF BIN WAN CHIK  
(PENYELIDIK DI BAWAH PROJEK GERAN PENYELIDIKAN JEPUN - THE SUMITOMO FOUNDATION)  
[faizal055@uitm.edu.my](mailto:faizal055@uitm.edu.my)

Suka makan takoyaki? Mesti suka dengan bonito flakes yang ditabur di atas jemput-jemput sotong tu! Minat makan miso soup? Tentu suka rasa umami yang unik. Di dalamnya ada miso, konbu dan katsu atau nama panjangnya katsuobushi.

